

Zainal Abidin Pengerusi Bukan Eksekutif baru Danaharta

UM 3 1 JUL 2003

KUALA LUMPUR 30 Julai — Kementerian Kewangan hari ini mengumumkan pelantikan Datuk Zainal Abidin Putih sebagai Pengerusi Bukan Eksekutif Pengurusan Danaharta Bhd. (Danaharta) berkuat kuasa 1 Ogos ini.

Menteri Kewangan Kedua, Datuk Dr. Jamaludin Jarjis ketika mengumumkannya berkata, Zainal Abidin akan menggantikan Datuk Azman Yahya.

Jawatan itu akan disandangnya sehingga 31 Disember 2005 atau pada tarikh tutup Danaharta atau yang mana lebih awal.

“Kementerian Kewangan telah bersetuju dengan hasrat Azman untuk melepaskan jawatan yang disandangnya bagi membolehkan beliau menceburi bidang korporat selepas 31 Julai ini,” kata Jamaludin ketika mengumumkan perkara itu di pejabat Danaharta di sini hari ini.

Menurut Jamaludin, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad telah bersetuju dengan pelantikan baru pelepasan jawatan tersebut.

“Khidmat beliau (Azman) masih lagi diperlukan oleh negara dalam membimbing mana-mana agensi kerajaan untuk mencapai kejayaan yang dinikmati oleh Danaharta sekarang,” ujarinya.

Sementara itu, pelantikan Datuk Zainal Abidin Putih ke iawatan Pengerusi Bukan Eksekutif Danaharta dilihat sebagai penyambung hasrat kerajaan di dalam membantu memulihkan masalah kewangan yang dihadapi oleh mereka.